



Rujukan : KDN.PPF.600-1/4/2(20)

Tarikh : 8 Disember 2023

SEMUA PENERBIT / PENGEDAR FILEM

Y. Bhg. Tan Sri / Puan Sri / Dato' Sri / Dato' / Tuan / Puan,

KETETAPAN BAHARU BAGI PENGGUNAAN BAHASA SARI KATA YANG DIBENARKAN BAGI TUJUAN PENAPISAN IKLAN FILEM DAN IKLAN PITA OLEH LEMBAGA PENAPIS FILEM

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Dalam Negeri melalui Lembaga Penapis Filem (LPF) telah membuat ketetapan baharu bagi penggunaan bahasa sari kata yang dibenarkan bagi tujuan penapisan iklan filem dan iklan pita oleh Lembaga Penapis Filem (LPF) yang didaftarkan mengikut bahasa dibenarkan mempunyai bahasa sari kata seperti berikut:

Bahasa yang didaftarkan	Bahasa sari kata yang dibenarkan
Bahasa Melayu	Bahasa Melayu
Bahasa Inggeris	Bahasa Inggeris / Bahasa Melayu atau kedua-duanya
Bahasa Cina	Bahasa Cina / Bahasa Melayu atau kedua-duanya
Bahasa Tamil	Bahasa Tamil / Bahasa Melayu atau kedua-duanya

3. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab semua penerbit/ pengedar filem bagi **memastikan hanya menghantar permohonan mengikut ketetapan penggunaan bahasa sari kata yang dibenarkan sahaja**. Permohonan penapisan iklan filem dan iklan pita yang tidak mematuhi ketetapan tersebut akan ditolak kepada penerbit atau pengedar iklan filem dan iklan pita oleh LPF untuk dibuat pindaan. Pemakaian ketetapan baharu ini adalah **berkuatkuasa serta merta**.

4. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Dato'/ tuan/ puan di dalam mematuhi ketetapan ini amatlah kami hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(ISMAINUR HADI AMAT BAKERON)

Rejabat Penapisan Filem

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Dalam Negeri

s.k.

Pengerusi LPF